

# Bola tampar UMS mara ke pusingan kedua

Oleh VITALIS G.BINGKASAN

vbingkasan@yahoo.com

UB 01/11/2012 A16

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mara ke pusingan kedua acara bola tampar lelaki selepas muncul juara saingan peringkat kumpulan Kejohanan Sukan Universiti Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) Malaysia 2012.

Kelmarin, UMS mengalahkan Kolej Universiti KDU 2-0 untuk menang bersih kedua-dua perlawanan saingan peringkat kumpulan.

Perlawanan pertama dua hari lalu juga menyaksikan UMS mengatasi Universiti Nilai jugadengankeputusan sama.

“Beberapa pemain badminton perseorangan lelaki dan wanita serta pemain boling perseorangan wanita kita juga berjaya melepassi pusingan pertama dan kedua.

“Setakat ini (kelmarin) kutipan pingat masih kekal dari acara teakwondo. Perenang Lim Yi Won juga mara ke final acara 100m dan 50m gaya bebas tetapi gagal mengutip pingat,” kata Pengarah Pusat Sukan UMS Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika dihubungi kelmarin.

UMS telah mengutip dua emas, satu perak dan satu gangsa menerusi acara taekwondo untuk berada di kedudukan keenam keseluruhan.

Carta kutipan pingat didahului Universiti Putra Malaysia (9e, 3p, 3g) diikuti Universiti Malaya (4-4-2), Universiti Sains Malaysia (3-6-4), Universiti Teknologi Mara (2-4-6), Inti International College Subang Jaya (2-2-0) dan UMS.

Mengekor rapat di belakang Sabah adalah Universiti Teknologi Malaysia (2-1-0), Taylor's University (2-

1-0), Universiti Kuala Lumpur (2-0-0) dan Help University (1-2-1).

UMS diwakili 87 atlet dan mengambil bahagian dalam 12 daripada 15 acara sukan yang dipertandingkan pada kejohanan yang julung kali diadakan tersebut.

UMS mengambil bahagian dalam acara taekwondo, bola sepak, bola tampar dewan, bola tampar pantai, badminton, tenis, olahraga, renang, memanah, catur, takraw dan karate.

Kejohanan yang menawarkan 165 pingat emas, 165 pingat perak dan 208 pingat gangsa tersebut disertai 101 kontinjen meliputi 20 IPT awam, 46 IPT swasta, 25 politeknik dan 10 kolej komuniti melibatkan 5,000 atlet.

Pertandingan yang dijalankan di beberapa venue di Semenanjung Malaysia tersebut akan berlangsung sehingga 11 November.